

PM anggap isu Muhyiddin selesai

UM 16 MAR 2000

Oleh NIZAM HAMID
dan LAWRENCE QUEK

ALOR SETAR 15 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menganggap isu Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mendakwa terdapat pihak tertentu mengarahkan bahagian UMNO di Johor supaya tidak mencalonkannya untuk jawatan Naib Presiden sebagai sudah selesai.

Presiden UMNO itu berkata, beliau telah berbincang dengan Muhyiddin berhubung perkara tersebut dan Ketua UMNO bahagian Pagoh itu juga telah menyerahkan bukti yang didakwanya.

“Saya telah bercakap dengan Muhyiddin dan menganggap perkara itu sudah selesai,” katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas menyerahkan lembu korban sempena Hari Raya Aidiladha di kediamannya di Titi Gajah, di sini hari ini.

Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ekuivalen telah menemui Perdana Menteri semasa mesyuarat jemaah menteri di Kuala Lumpur hari ini bagi menyerahkan bukti

berhubung apa yang didakwanya berlaku.

Beliau sebelum ini mendakwa, sebanyak 16 daripada 20 bahagian UMNO di Johor telah diarahkan supaya tidak mencalonkan namanya untuk jawatan Naib Presiden pada pemilihan pucuk pimpinan UMNO Mei ini.

Tindakan tersebut kata Muhyiddin, bertentangan dengan prinsip demokrasi yang didukung oleh UMNO.

Ekoran dakwaan Muhyiddin itu, Dr. Mahathir telah meminta beliau mengemukakan bukti berhubung dakwaan tersebut ke-

pada Majlis Tertinggi (MT) untuk dibincang dan diteliti.

• Ditanya sama ada Muhyiddin telah menyerahkan bukti itu, Perdana Menteri berkata, ‘Ya, ya, tapi tidak perlu saya jelaskannya.’

Sementara itu, Muhyiddin memberitahu pemberita di Kuala Lumpur, beliau juga menganggap isu yang dibangkitkannya sudah selesai.

“Saya puas hati dengan hasil pertemuan ini. Sebab ini soal politik ia perlu diselesaikan secara aolitik dan anggap sudah selesai,” tambahnya.

Muhyiddin juga menegaskan yang beliau tidak akan memanjang-manjangkan lagi isu itu.

Beliau berkata, keputusan yang diambilnya itu sebagai mematuhi nasihat Dr. Mahathir selain mengendurkan ketegangan demi menjaga keharmonian dan perpaduan dalam parti.

“Saya sudah memaklumkan dan memperjelaskan mengenai apa yang disebut mengenai isu yang dibangkitkan dalam pertemuan dengan Dr. Mahathir”

“Saya turut memberitahu beliau bahawa saya akan membawa orang yang menyampaikan maklumat

itu untuk memaklumkan sendiri kepadanya mengenai apa yang berlaku,” kata Muhyiddin.

Dalam pertemuan itu, beliau turut bertanya kepada Dr. Mahathir sama ada perlu untuknya membuat laporan bertulis kepada MT dan Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Parti.

Muhyiddin berkata: “Perdana Menteri kata tidak payah.”

Ketika ditanya mengenai hubungannya dengan UMNO bahagian-bahagian di Johor akibat isu yang dibangkitkannya, Muhyiddin memberitahu, beliau tidak menafikan belakunya kerenggangan.

Beliau menegaskan, tujuannya mendedahkan isu tersebut adalah untuk menyatakan kebenaran dan hak, dan berharap ia tidak perlu diperbesar-besarkan.

“Kebanyakan mereka (penyampai maklumat) tahu apa yang berlaku tetapi tidak tahu cara untuk menyampaikannya.

“Suasana sekarang menunjukkan ramai yang tidak mengambil iktibar apa yang berlaku kepada parti semasa pilihan raya umum lalu sebab saya melihat masih berlaku perebutan kuasa sesama sendiri,” jelasnya.